Islam Menggalakkan Berusaha

(Oleh Shahruddin Dahari)

Kekayaan harus dimiliki oleh umat Islam di seantero dunia. Kerana dengan kekayaan boleh menjamin kehidupan seseorang, dan dapat melaksanakan tuntutan-tuntutan agama yang berhubung rapat dengan kebendaan. Islam tidak memberatkan umat-umatnya yang tiada mempunyai kekuasaan untuk melaksanakan tuntutan agama yang memerlukan harta dan mental yang sihat. Kemiskinan adalah sunnah alam yang tidak dapat dinafikan. Kekayaan dan kemiskinan bagi seseorang itu, adalah mempunyai hikmah atau rahsia yang nyata di alam sejagat ini. Kerana di jiwa orang-orang ini terbit rasa perikemanusiaan dan kemasyarakatan. Ini jikalau seseorang Muslim itu sedar akan tanggungjawabnya.

Tuhan menjadikan manusia bukan untuk perseorangan, bahkan memikul beberapa tugas yang besar terhadap masyarakat dan agama; supaya sering menyedari dan menginsafi di antara satu dengan lain. Hakikat ini tidak disedari oleh umat-umat Islam yang berhati keras membatu. Hanya mereka itu mementingkan diri perseorangan sahaja. Cara yang demikian berlawanan dengan dasar Islam yang tulen.

Kesenangan dan kekayaan tidak akan wujud tanpa berusaha; kerana inilah Islam menggalakkan umatnya berusaha selagi keutamaan yang dikurniakan oleh Tuhan masih kukuh. Sebaliknya Islam menganggap senteng akan orang-orang yang tidak mahu berusaha tanpa mempunyai sebab-sebab yang tertentu.

Masyarakat akan membenci orang-orang yang lemah tenaga dan pemikirannya Rasulullah ada menegaskan dengan sabdanya yang bermaksud "**Orang Islam yang kuat itu lebih baik daripada orang Islam yang lemah.**"

Memanglah logik jika seseorang itu lemah tenaga dan mentalnya membeku atau jumud peribadinya. Bila pemikiran telah membeku beberapa masalah hidup tidak dapat diselesaikan dengan begitu gampang; padahal di dalam al-Qur'ān Tuhan telah menegaskan secara berulang-ulang penggunaan mental. Dari itu seseorang Muslim tidak harus ia menggunakan akal atau mentalnya secara melulu dan merosakkan dia. Kerana yang demikian Allah melarang keras akan orang-orang yang meminum arak yang akibatnya mengubahkan akal yang waras.

Di dalam kitab suci al-Qur'ān jelas menerangkan bahawa kejayaan seseorang itu disebabkan usahanya sendiri. Tidak seharusnya seseorang Muslim itu berserah bulat-bulat kepada takdir Tuhan dan nasib sahaja. "**Kerana Tuhan tidak mengubah nasib seseorang kecuali dia sendiri yang mengubahnya**." Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā* menegaskan dengan firman-Nya: "***Wa an laysa li al-insāni illā mā sa'ā wa anna sa'yahū sawfa yurā lam*[1] *yujzāhu al-jazā'a al-awfā***" ertinya: "Sesungguhnya manusia tidak akan dapat melainkan apa yang telah diusahakannya, dan segala usahanya itu diperlihatkan kepadanya kemudian akan dibalas dengan balasan yang paling sempurna." Sūrat al-Najm ayat 39-41).

Dengan ayat-ayat tersebut dapat kita beberapa pengajaran yang layak kita fikirkan bersama:

1. Untuk mencapai kejayaan dan kehasilan yang memuaskan dalam cita-cita yang luhur, kita seharusnya bekerja dengan penuh kesungguhan serta tidak mengira penat, berpanas dan berhujan.

2. Tidak seharusnya kita berdoa kepada Tuhan siang dan malam untuk mendapatkan kejayaan tapi tanpa berusaha. Sedang Rasulullah sendiri tidak mendirikan keagungan Islam dengan semata-mata mengharapkan kekuasaan mukjizat, malahan dengan mengalirkan darah dan mengorbankan jiwa, pengorbanan yang tidak ada tolok bandingnya di dunia.

Untuk menjadikan umat Islam supaya rajin berusaha dan tahan lasak, kesihatan perlu diawasi. Kerana sebelum kesihatan terganggu kita harus memeliharanya dari sebarang penyakit. Tidak berfaedah membiarkan diri dari hidup sengsara dalam kesakitan. Lebih baik kita berikhtiar mencari ubatnya, kerana Rasulullah ada bersabda dengan katanya: "***Li kulli dā'in dawā'***" – "Bagi tiap-tiap penyakit itu ada mempunyai ubat."

Kemiskinan sering kali menjadi batu penghalang bagi orang-orang

[1] Perkataan sebenarnya ialah *thumma.*

Islam menggalakkan Berusaha

Islam untuk melanjutkan pelajaran mereka yang lebih tinggi. Padahal ilmu itu adalah hak semua umat tidak mengira miskin dan kaya. Nyata kita lihat di Malaysia sendiri orang-orang Islam khasnya orang-orang Melayu hidup dalam serba kemiskinan. Kemiskinan ini bukan disebabkan malas berusaha, tetapi kerana orang-orang Melayu kekurangan tanah untuk diusahakannya.

Di bidang pendidikan pula orang-orang Melayu kurang mengambil berat. Maka senafas itu juga anak-anak mereka sentiasa menemui kegagalan dalam lapangan pelajaran. Jika rumah tangga dan sekolah mempunyai hubungan yang rapat dalam segi pendidikan, nescaya kejayaan akan dapat dicapai oleh anak-anak Melayu.

Kekurangan usaha dalam pelajaran adalah disebabkan kesihatan anak-anak Melayu selalu terganggu. "**Sebab otak yang baik itu adalah terletak di badan yang sihat**." Jika kesihatan terjaga tidak perlu anak-anak Melayu menjaga makanan yang berzat-zat untuk menambahkan kecergasan.

Semangat makan gaji tidak harus disemai di jiwa kanak-kanak. Sebaliknya kita harus menanamkan semangat belajar, untuk menjadi manusia yang berguna terhadap bangsa dan agama. Dalam hal ini kita hendaklah merasa kurang dalam sudut pengetahuan dan berusaha menambahnya. Pernah seorang mahasiswa kita mengalirkan air mata bila meninjau akan perkembangan anak-anak bangsanya di tanah airnya sendiri. Kita tidak mahu orang-orang Melayu menjadi bangsa dagang di tanah air mereka sendiri, sedangkan beberapa negara dalam dunia ini berebut-rebut untuk menjadikan anak bangsanya merdeka dalam erti kata yang sebenarnya.

Terbitnya fahaman yang salah dari pengetahuan-pengetahuan pemimpin-pemimpin di hari ini di segi agama dan politik adalah mengaburkan mata rakyat terhadap pengertian agama dan politik, politik dan agama Islam tidak terpisah. Saya berani menafikan dengan terus terang atas ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab terhadap agama. Ketololan memahami agama dengan menyangka **dalam agama tanpa politik** adalah tidak berasas dan tidak berjejak di bumi kenyataan. Sedangkan di dalam al-Qur'ān ada pengajaran-pengajaran politik yang lengkap. Saya berseru kepada pemimpin-pemimpin di Malaysia bacalah sejarah Islam dengan mendalam dan dampinglah tafsir al-Qur'ān. Kelak kejahilan dapat dibasmi. Pendek kata berusahalah untuk mendapat kekayaan ilmu pengetahuan dan harta.

Maklumat Qalam

Bahagian Tabligh

Dengan sukacita dimaklumkan setelah pejabat percetakan "Qalam" berpindah ke ibu kota Malaysia – Kuala Lumpur – maka kecergasan "Qalam bahagian Tabligh" akan dijalankan semula. Syarahan-syarahan agama disertakan dengan gambar-gambar slaid yang berwarna-warni akan diberikan semula atas mauduk-mauduk seperti berikut:

1. Sejarah Islam.
2. Mawlid al-Nabī (S.A.W.)
3. Israk dan Mikraj
4. Nuzul al-Qur'ān
5. Mengenai Haji
6. Mengenai Tanah Suci Palestin.

Sesiapa yang ingin mengadakan majlis-majlis syarahan agama mengenai mauduk-mauduk di atas silalah berhubung terus dengan al-Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah di alamat Masjid Jamek Jalan Mountbatten – Kuala Lumpur – atau berhubung terus kepada pejabat Qalam yang beralamat di bawah.

Tidak ada dikenakan sebarang bayaran, sekalipun untuk tambang. Yang perlunya menyiapkan tempat dan pembesar suara. Dan jika tempat itu perlu keizinan dari pihak yang berkuasa, maka mintalah keizinan itu terlebih dahulu.

Qalam Bahagian Tabligh
8247 Jalan 225 – Petaling Jaya
Selangor – Telefon 562481